

"Saya Bukan Orang Kiri...,"

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

kata Dr. M.

"Mahathir: Saya bukan orang kiri. DASAR TIDAK BERUBAH", kata sebuah kepala besar di Berita Minggu Jun 28, 1981. Berita berikutnya melaporkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai menegakkan di Perhimpunan Agung UMNO Malaysia ke-32 bahawa beliau "bukan orang kiri" dan kaum lain serta pelabur di negara ini tidak perlu takut dan bimbang. Presiden UMNO baru itu menambah, tidak ada perkara yang patut dibimbang atau ditakuti kerana dasar negara kini tidak akan berubah disebabkan pertukaran pucuk pimpinan UMNO.

"Kalau ada pun perubahan, hanyalah dari segi pelaksanaan dan ini tidak sedikit pun menyentuh dasar yang diatur di bawah pimpinan Datuk Hussein Onn."

Oleh itu, tegas beliau, "Kaum bukan Bumiputera dan pelabur asing yang menaman modal di negara ini tidak perlu takut dan bimbang disebabkan pertukaran pucuk pimpinan UMNO."

Beliau menambah, "Bukankah saya sendiri telah mengamalkan pelabur asing menaman modal di negara ini dengan seluas-luasnya?"

Beliau menegakkan, apa yang dilakukannya adalah disebabkan ia mesti dilakukan. "Saya tidak fikir disebabkan saya berbuat sesuatu yang patut dilakukan itu, saya mesti dituduh sebagai orang kiri atau orang kanan atau 'orang kiri dalam kanan'."

Datuk Seri Dr. Mahathir memberi jaminan, tidak ada perubahan radikal akan dilakukan apabila beliau mengambil pucuk pimpinan negara.

* * *

Komen Penulis:

Begitulah nampaknya Datuk Seri, ada sebilangan manusia "bijak" di sana dan di sini yang boleh didekribkan sebagai pakar-pakar sains politik yang berpengetahuan tidak lebih dan tidak kurang dari "Fak Pandir" (purba)... Mengikut fahaman "pakar-pakar" berkenaan bila sahaja seseorang pemimpin itu berani bercakap secara berterus-terang dengan, umpamanya, menghitamkan apa yang hitam dan memutihkan apa yang putih (yakni, menyalahkan apa yang salah dan membenarkan apa yang benar) demi kepentingan masyarakat pada keseluruhannya — pemimpin seperti itu mestilah secara otomatik dilebal sebagai "orang sayap kiri". Bila seseorang pemimpin di ketika menjalankan tugasnya mencerminkan peranggal kurang cenderung ke arah peng-Ampuan yakni dalam bahasa biasa, "kurang suka mengAmpu" atau tidak pandal bermukamu, maka pemimpin seperti itu akan pula dimasukkan ke dalam kategori orang "sosialis".

Dan apa yang paling melucukan ialah — seseorang pemimpin ataupun pegawai awam, yang tidak bersedia melihat hasil negara dibelanjakan secara membazir dan dengan itu cuba menguatkuasakan peraturan (yang ditetapkan oleh Kerajaan yang didukung oleh Parti yang berkuasa) dengan tujuan mengelakkan pembaziran hasil negara, akan diberi gelaran "Jurucakap Parti Komunis Malaya"... (Seolah-olah disiplin, amanah dan kejujuran adalah monopoli orang-orang Komunis!) Nota: Penulis percaya Pengarah Cawangan Khas (D.S.B.) akan menggelang-gelengkan kepala bila membaca cerita ini!

Dalam bahasa lain, dari kacamata pakar-pakar politik yang berpengetahuan seperti Fak Pandir (purba) itu, seseorang pemimpin adalah berhak diberi gelaran "Kiri", "Sosialis" ataupun "Komunis" bukan dengan berdasarkan kepada ideologi politik ataupun falsafah hidupnya, tetapi semata-mata kepada peranggal peribadi ataupun "style" pemimpin itu menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya — semakin tegas, jujur dan berani, semakin jauhlah lanya ditempatkan ke "Kiri" dan semakin "lembut" dan cincal ("chin-chai" mengikut ejaan lama), maka semakin jauhlah lanya diletakkan ke "Kanan"...

Mengenal perubahan dasar secara "radikal" seperti disebutkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir tadi, perubahan seperti itu biasanya dilakukan

secara mengejut oleh seseorang pemimpin yang memperolehi kuasa bukan melalui undi, tapi melalui peluru dan kereta kebal. Sebaliknya, di sesebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen (seperti negara kita) dan yang dipimpn oleh pemimpin-pemimpin yang menghormati Perlembagaan dan demokrasi, pucuk pimpinannya adalah menyedari tentang bahaya yang mereka akan hadapi jika mereka melakukan perubahan radikal tanpa menghormati proses yang berdasarkan kepada, tradisi dan Perlembagaan. Kerana di sesebuah negara demokrasi, terdapat beberapa "safeguards" yang bertujuan menghalang seseorang pemimpin atau sebilangan pemimpin dari melakukan perubahan radikal dengan sewenang-wenangnya. Dan penulis berani meramalkan bahawa pemimpin yang membelakangkan "safeguards" ini tidak akan panjang usia politik mereka...

Diantara "safeguards" yang penulis maksudkan itu, ialah pertama, Perlembagaan. Oleh itu, apa yang perubahan dasar yang bertentangan dengan Perlembagaan tidak boleh dilaksanakan tanpa pindaan kepada Perlembagaan. Dan jika satu-satu perubahan radikal itu bertentangan pula dengan dasar-dasar yang "diiktiankan" oleh Parti yang memerintah dalam Manifestonya di Pilihanraya yang lalu, maka perubahan itu tidaklah sepatutnya dilaksanakan, sebelum perubahan berkenaan dicatitkan ke dalam Manifesto Pilihanraya yang akandatang nanti. Dan jikalau pula perubahan radikal itu berlawanan dengan huruf dan semangat Perlembagaan, dan lanya dilaksanakan tanpa terlebih dahulu meminda Perlembagaan dan selepas itu mengadakan undang-undang yang sewajar mengenainya, maka pemimpin-pemimpin yang melakukan perubahan itu boleh dihadapkan ke Mahkamah oleh orang-orang yang teraniaya oleh perubahan berkenaan.

Kesimpulan: Di sesebuah negara yang mengamalkan Demokrasi dan Kerajaannya berpondasian sederhana (rejim tukul besi di mana pedang atau benet lebih berkuasa dari undi, itu lain kira) di mana ahli-ahli Parti mempunyai suara dan rakyat biasa memiliki kuasa berupa undi, seseorang pemimpin walaupun di peringkat atasan sekalipun bolehlah dianggap sebagai cuba melakukan "hara-kiri" (bunuh diri) jika ia cuba secara mendadak melakukan satu-satu perubahan "radikal" yang bertentangan dengan tradisi, motto, dan dasar pokok parti seperti yang terkandung di dalam Manifesto Pilihanrayanya tanpa terlebih dahulu memperolehi persetujuan parti dan "mengiklankan" perubahan berkenaan kepada para pengundi melalui Manifesto baru. (Perubahan "radikal," seperti umpamanya, yang bertujuan menghapuskan kaum kapitalis dengan memiliki-negakan, yakni, "to nationalise" ladang-ladang, bank-bank, kilang-kilang dan pusat-pusat perniagaan dan perusahaan yang penting, seperti yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin di negara sosialis.)

☆☆☆

Ekor Ruangani:

Orangramal berkumpul kerana seorang Menteri Kerajaan akan melakukan upacara tanam pokok. Seorang kedengaran berkata, "Dia bercakap bohong semata-mata dengan tujuan mengampuni Menteriya — sebenarnya dia telah menebang pokok yang ditanam di lubang yang sama oleh Menteri Janata dahulu untuk membolehkannya mengadakan upacara ini..." (Nota: "Dia" di sini, mungkin bermaksud seorang Ketua Jabatan "bijak" ataupun seorang Datuk Bandar yang mahu merapatkan diri dengan Menteri!) — Berdasarkan kepada kartun lukisan Laxman di bawah tajuk "You said it", yang tersiar di Times of India Jun 25, 1981.

☆☆☆